

SUK.D200(06)600/9/Jld 17(38)



KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 8 TAHUN 2022

**PENAMBAHBAIKAN DASAR BEKERJA DARI RUMAH
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini adalah bertujuan memaklumkan Penambahbaikan Dasar Bekerja Dari Rumah Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Dasar Bekerja Dari Rumah telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2021 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2015 iaitu Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat diperuntukkan kepada semua Penjawat Awam Negeri secara bergaji penuh selama tiga (3) hari untuk menziarahi jenazah dan membantu urusan berkaitan dengan kematian ahli keluarga terdekat.
- 2.3 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 5 Tahun 2013 Pelaksanaan Dasar Baru Kemudahan Cuti Kematian Suami Selama 30 Hari diberikan juga kepada pegawai/ guru wanita yang kematian suami, di mana Cuti Tanpa Rekod selama tiga (3) hari atas kematian ahli keluarga terdekat dan tambahan cuti selama 27 hari dengan bayaran insentif khas menyamai satu (1) bulan emolumen pegawai. Walaubagaimanapun cuti tersebut diklasifikasikan sebagai Cuti Tanpa Gaji dan tertakluk di bawah Perintah Am Bab C 14 (a) dan (b) berkuat kuasa mulai 1 November 2013.
- 2.4 Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi perhatian dalam aspek kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dalam masa yang sama perlu meningkatkan kualiti, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan,

Kerajaan telah bersetuju menambahbaik Dasar Bekerja Dari Rumah bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Ketua Jabatan adalah diwajibkan untuk membenarkan/mengarahkan BDR kepada pegawai yang kematian suami atau isteri sebaik sahaja tempoh tiga (3) hari Cuti Tanpa Rekod (CTR) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2015 dan Dasar Bekerja Dari Rumah telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2021.
- 3.2 Tempoh BDR ini hendaklah yang bersesuaian dan tidak melebihi tempoh dua (2) minggu termasuk Hari Kelepasan Mingguan, Hari Rehat Mingguan, dan Hari Kelepasan Am tertakluk kepada pertimbangan Ketua Jabatan.
- 3.3 Tempoh BDR ini boleh dibenarkan/ diarahkan kepada pegawai lantikan tetap, lantikan Kontrak (*Contract of Service*), Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) dan Kontrak (*Contract for Service*).
- 3.4 Manakala bagi mana-mana pegawai/guru wanita yang ingin memohon tambahan cuti selama 27 hari yang kematian suami, permohonan (opsyen) boleh dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 5 Tahun 2013.

4. TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini berkuat kuasa mulai **tarikh Pekeliling Perkhidmatan Negeri ini dikeluarkan dan dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2021.**

5. PENERIMAAN PAKAI

Pekeliling ini terpakai kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Badan Berkanun Negeri.

Sekian, terima kasih.

“ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI”



DATO' TUAN ZAINAL ABIDIN BIN TUAN YUSUF, D.P.S.K (Kelantan)
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI KELANTAN

Bertarikh : 19 Jamadilawal 1444H
14 Disember 2022

SENARAI EDARAN :

- Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
- Semua Ketua Jabatan Negeri
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
- Semua Badan Berkanun Negeri
- Semua Ketua Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan